


Pelarasan cukai perkhidmatan PBT beri lebih banyak manfaat

KUALA TERENGGANU - Keputusan kerajaan membuat pelarasan kenaikan cukai perkhidmatan bagi pihak berkuasa tempatan (PBT) di seluruh negara tahun hadapan akan memberi lebih manfaat kepada rakyat.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Raja Kamarul Bahrin Shah Raja Ahmad Baharuddin berkata, lebih banyak pembangunan sosial dapat dijalankan untuk penduduk di satu-satu kawasan hasil kutipan cukai perkhidmatan yang lebih banyak, efektif dan teratur.

Menurutnya, walaupun keputusan itu bukanlah satu langkah yang popular dan boleh memberi tempas kurang baik terhadap kerajaan, ia perlu dilakukan



RAJA KAMARUL BAHRIN SHAH

bagi memastikan sumber kewangan PBT mencukupi untuk mentadbir PBT.

"Tidak ada kerajaan yang boleh berjalan tanpa mengutip apa-apa cukai secara munasabah.

"Kalau dalam tempoh berpuluh-puluh tahun tak naik, bagaimana PBT nak bagi servis terbaik kepada rakyat dan tampung perbelanjaan sendiri sedangkan

bilangan penduduk semakin ramai," katanya kepada pemberita selepas menyampaikan bantuan perskolahan kepada 90 pelajar dari daerah Kuala Terengganu di sini semalam.

Kelmarin, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), Zuraida Kamaruddin berkata, kesemua 155 PBT di seluruh negara akan diwajibkan membuat pelarasan kenaikan cukai perkhidmatan di bawah bidang kuasa mereka bagi setiap lima tahun bermula tahun hadapan.

Zuraida berkata, ia perlu bagi memastikan setiap PBT membuat kutipan cukai secara lebih seragam kerana terdapat PBT yang tidak melakukan semakan kenaikan kadar kutipan cukai perkhidmatan melebihi 20 tahun. - *Bernama*

INFO CUKAI TAKSIRAN

- Cukai taksiran atau cukai pintu dikuatkuasakan mengikut peruntukan Seksyen 127 Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171).
- Ia cukai yang dikenakan ke atas ke atas semua pegangan persendirian yang terletak di kawasan majlis dalam setiap negeri meliputi harta-harta seperti kediaman, bangunan komersial, bangunan industri, tanah pertanian dan termasuk tanah kosong serta lot tanah yang belum dibangunkan.
- Kadar cukai dikenakan berbeza mengikut jenis kategori hartanah.
- Cukai taksiran dikenakan dua kali setahun pada 1 Januari hingga 28 Februari setiap tahun dan 1 Julai hingga 31 Ogos setiap tahun.
- Kegagalan menjelaskan cukai taksiran boleh mengakibatkan harta disita mengikut Seksyen 148 Akta Kerajaan Tempatan 1976.